



## MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN HARTA MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN, KOMPLEKS PENGANGKUTAN AWAM PONTIAN, TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM BENUT DAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM KUKUP BAGI TEMPOH 12 BULAN ( MPPn / SH / 36 / 2024 )	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221001	RM30.00	Ahad – Rabu 8.30 pagi – 3.00 petang
2.	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PASAR AWAM MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN BAGI TEMPOH 12 BULAN ( MPPn / SH / 41 / 2024 )	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221001	RM30.00	Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang
3.	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN GERAJ – GERAJ MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN BAGI TEMPOH 12 BULAN ( MPPn / SH / 42 / 2024 )	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221001	RM30.00	

- Kontraktor **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **08 Julai 2024 (Isnin) jam 9.30 pagi**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Persidangan, Aras 3, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 hanya **penama** di dalam Sijil Pendaftaran Syarikat (**MOF**) sahaja yang di benarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan. **Wakil tidak dibenarkan**.
- Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** berharga **RM30.00** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Dokumen sebut harga boleh dibeli oleh penama atau wakil-wakil kontraktor (**Wakil kontraktor hanya boleh mewakilkan satu syarikat kontraktor sahaja**) dengan syarat membawa **SIJIL ASAL, COP SYARIKAT** dan **SURAT WAKIL SYARIKAT**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa salinan asal serta fotostat **pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen sebut harga.
- Dokumen mula dijual** pada **08 Julai 2024 ( Isnin ) (selepas lawatan tapak)**. Tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **15 Julai 2024 ( Isnin )**, tidak lewat dari Jam 12.00 Tengahari.

6. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjurong kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga bertempat di Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor atas nama, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor. Penyebut harga diingatkan untuk membukukan dokumen yang dilampirkan sebagaimana di senarai semak.

  
( HAJI AB RAZAK BIN KHALID )  
Yang Di Pertua,  
Majlis Perbandaran Pontian.

Bertarikh : 01 Julai 2024

